

PENILAIAN SUMATIF KALI KEDUA 2017

Mata pelajaran : Bahasa Melayu (Pemahaman) Masa : 1 jam 15 minit

Tarikh : 2-5-2017

Tandatangan ibu bapa :

Nama murid : () Markah : ____ x2 = ____%

Tahun : 3()

Bahagian A : 20 Markah

Soalan 1-20 : Bulatkan jawapan yang betul dan tulis huruf di ruang yang disediakan.

1. Encik Tan _____ kerana suka menolong orang.

A. berat tulang

B. baik hati

C. minta diri

2. Badan kita akan _____ setelah melakukan aktiviti senaman.

A. berpeluh

B. bercakap

C. bermain



3. _____ itu berenang di dalam kolam.

A. Kanak-kanak

B. Taman-taman

C. Ikan-ikan



4. Kerani itu sedang _____ surat.

A. menaip

B. berlari

C. memasak



5. Sin Yan _____ sambil menikmati keindahan alam semulajadi.

A. menulis

B. berjoging

C. berenang



6. Jia Wei _____ ibunya menyiram pokok bunga di kebun mini mereka.

A. memasang

B. membeli

C. membantu



BM(Pemahaman)T3MS1/6


7. Anggota tentera yang menjaga keselamatan negara sungguh _____.

- A. berani
- B. lebat
- C. wangi



8. Ais itu cair sekiranya tidak diletakkan di dalam _____.

- A. sekolah
- B. peti sejuk
- C. almari



9. Jam tangan berjenama Rolex itu sangat _____.

- A. penuh
- B. rosak
- C. mahal



10. "Apakah yang kamu buat di _____?" tanya

Khairul kepada Jan Hao.

- A. sini
- B. ini
- C. itu



11. Xin En membasuh _____ selepas keluar dari tandas.

- A. rambut
- B. tangan
- C. baju



12. Nama adik saya Ezuan. _____ berumur tiga tahun.

- A. Dia
- B. Kita
- C. Mereka

13. Pokok kelapa itu sangat _____.

- A. sejuk
- B. panas
- C. tinggi



14. _____, manisnya kek coklat ini!

- A. Hai
- B. Amboi
- C. Aduh

15. Pei Wen menyusun _____ di rak bukunya.

- A. sampah-sampah
- B. itik-itik
- C. buku-buku

Soalan 16 hingga 20 berdasarkan iklan di bawah.

Pertandingan Membina Ayat

Tarikh: 8 Jun 2017

Tempat: Pusat Sumber SJK(C) Khe Beng

Masa: 4.00 petang

Terbuka kepada murid-murid Tahap Satu

Hadiah-hadiah lumayan menanti anda

Tempat Pertama: Sebuah kamus elektronik Dewan Bahasa dan Pustaka serta satu set buku cerita kanak-kanak dan remaja

Tempat Kedua: Satu set buku cerita kanak-kanak dan remaja

Tempat Ketiga: Satu set alat tulis berjenama terkenal

Sagu Hati(10x): Satu set pensel warna dan buku mewarna

Perhatian:

- Sesiapa yang berminat diminta menghubungi guru Bahasa Melayu yang mengajar di kelas masing-masing.
- Peserta dikehendaki membawa alat tulis masing-masing semasa pertandingan. Kertas akan disediakan oleh pihak pusat sumber sekolah.
- Tarikh tutup penyertaan adalah pada 5 Jun 2017.

Jangan lepaskan peluang. Daftarlah sekarang.

16. Bilakah pertandingan membina ayat akan diadakan?

A. 5 Jun 2017

B. 8 Jun 2017

C. 10 Jun 2017

17. Di manakah pertandingan membina ayat akan diadakan?

A. Pusat sumber sekolah

B. Pusat sumber daerah

C. Pusat sumber negeri

18. Berapakah jumlah hadiah yang akan disediakan oleh pihak penganjur?

A. 3

B. 4

C. 13

19. Siapakah yang perlu dihubungi untuk menyertai pertandingan membina ayat itu?

A. Guru kelas masing-masing

B. Ketua Panitia Bahasa Melayu sekolah

C. Guru Bahasa Melayu kelas masing-masing

20. Perkataan **peluang** dalam petikan bermaksud

A. kemeriahan

B. kesempatan

C. keseronokan

Nama Murid: _____

()

Kelas: 3()

1.	2.	3.	4.	5.	6.	7.	8.	9.	10.
11.	12.	13.	14.	15.	16.	17.	18.	19.	20.

Bahagian B : 30 Markah

Soalan 21:

(a) Lengkapkan ayat. (4%)

bawang	memasak	masukkan	meminati
--------	---------	----------	----------

Saly, terima kasih, kerana hendak menolong ibu (1) _____ kari ayam.

Sama-sama, ibu. Saya memang (2) _____ bidang masakan.

Bagus, Saly. Tolong ibu kupaskan (3) _____ itu.

Baiklah, ibu. Bawang yang telah saya kupas ini, saya (4) _____ ke dalam bekas ini, ya.



(b) Tandakan (✓) atau (x). (3%)

1. Ibu bapa bertanggungjawab akan keselamatan anak-anak mereka. ()
2. Sebelum memulakan perjalanan kereta, kita tidak perlu memasang tali pinggang keledar. ()
3. Litar pintas akan mengakibatkan kebakaran. ()

Soalan 22: Isi tempat kosong dengan Kata Sendi Nama yang betul. (5%)

di	dari	hingga	oleh	Pada
----	------	--------	------	------

1. _____ waktu malam, bintang kelihatan di langit.
2. Rumah Ying Jia terletak _____ Taman Sentosa.
3. Encik Lee baru pulang _____ pejabat.
4. Cuaca sangat baik dari pagi _____ tengah hari.
5. Buku ini dihadiahkan _____ ibu saya.

Soalan 23: Tulis ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul. (6%)

1. Wen Hao sangat rajin dan bersopan santun.

Ayat tunggal:

a. _____

b. _____

2. Kakak menjahit baju.

Kakak menyanyi.

Ayat majmuk:

3. Budak itu menangis.

Budak itu sakit perut.

Ayat majmuk:

Soalan 24 : Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan berikut. (4%)

MARI BERSUKAN

Bersukan mempunyai banyak faedah. Apabila kita bersukan badan kita akan menjadi sihat dan cergas. Selain itu, dengan menyertai pelbagai aktiviti sukan juga kita akan berasa seronok kerana mempunyai ramai kawan.

Kita juga akan terhindar daripada kegiatan-kegiatan yang tidak sihat seperti mencuri, membuli dan melepak di pusat beli-belah. Apabila kita berjaya dalam bidang sukan yang diceburi pula, kita dapat mengharumkan nama negara seperti Datuk Lee Chong Wei, jaguh badminton negara kita.

Oleh itu, kita hendaklah selalu bersukan supaya hidup kita sihat dan sejahtera. Apabila badan sihat kita akan bebas daripada penyakit.

1. Apakah kesan ke atas badan kita apabila kita bersukan?

Kesan ke atas badan kita apabila kita bersukan adalah _____

2. Mengapakah kita akan berasa seronok apabila menyertai pelbagai aktiviti sukan?

Kita akan berasa seronok apabila menyertai pelbagai aktiviti sukan kerana _____

3. Siapakah telah mengharumkan nama negara kita?

_____ telah mengharumkan nama negara kita.

4. Apabila badan kita sihat, kita akan _____

Soalan 25 : Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan berikut. (8%)

Kamarul pulang dari sekolah. Dia tidak sabar mahu mengikut bapanya beriadah di taman permainan berhampiran rumahnya. Kamarul ingin bermain badminton bersama-sama Suresh. Dia sudah berjanji dengan Suresh untuk bertemu pada pukul 5.00 petang.

Ketika di taman permainan, ayahnya berjoging. Kamarul dan Suresh juga tidak melepaskan peluang berjoging sebelum bermain badminton. Mereka dapat mengeluarkan peluh. Kamarul dan Suresh tahu aktiviti tersebut memberi banyak kebaikan. Badan mereka akan menjadi cergas. Selain itu, Kamarul dan Suresh dapat menghilangkan stress. Mereka juga dapat menghirup udara segar.

1. Di manakah Kamarul dan Suresh bermain badminton?

2. Pukul berapakah Kamarul berjanji untuk bertemu dengan Suresh?

3. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh Kamarul dan Suresh?

4. Apakah kebaikan aktiviti riadah?

SELAMAT MENJAWAB 😊

Disediakan oleh :

Disemak oleh :

BM(Pemahaman)T3MS6/6

Jawapan

Bahagian A

- | | |
|-------|-------|
| 1) B | 11) B |
| 2) A | 12) A |
| 3) C | 13) C |
| 4) A | 14) B |
| 5) B | 15) C |
| 6) C | 16) B |
| 7) A | 17) A |
| 8) B | 18) C |
| 9) C | 19) C |
| 10) A | 20) B |

Bahagian B

- 21) a) (1) memasak (2) meminati (3) bawang (4) masukkan
b) (1) ✓ (2) ✗ (3) ✓
- 22) (1) Pada (2) di (3) dari (4) hingga 5) oleh
- 23) (1) a) Wen Hau sangat rajin.
b) Wen Hau sangat bersopan santun.
(2) Kakak menjahit baju sambil menyanyi.
(3) Budak itu menangis kerana sakit perut.
- 24) (1) badan kita akan menjadi sihat dan cergas.
(2) mempunyai ramai kawan.
(3) Datuk Lee Chong Wei
(4) bebas daripada penyakit.
- 25) (1) Kamarul dan Suresh bermain badminton di taman permainan berhampiran rumahnya.
(2) Pukul 5.00 petang Kamarul berjanji untuk bertemu dengan Suresh.
(3) Aktiviti yang dilakukan oleh mereka ialah berjoging dan bermain badminton.
(4) Kebaikan aktiviti riadah adalah badan akan menjadi cergas dan dapat menghilangkan stress.

《小作家课程》教你实用的写作技巧，让你轻松面对考试！

只需一次付费，即可使用长达三年！而且内容会持续更新，不另加收费！

点击这里购买完整版：<https://30.com.my/bc2>

或者免费注册体验版：<https://class.30.com.my/courses/bc2-trial>

